

Berita Ba@UTeM

www.utm.edu.my | edisi Khas Konvokesyen 2014



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MAJLIS

كلمة

اوتو سستم

KONVOKESYEN KE-10
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



*Setinggi-tinggi
Tahniah*

Y.BHG. TAN SRI DATUK IR DR HAJI AHMAD TAJUDDIN BIN AELI
di atas penganugerahan
IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN



Masanya telah tiba...
SYABAS & TAHNIAH GRADUAN



LG
173
.M44
.B47
2014
a
Sept



f MyUTeM t UTeM_my utem_moments



Selambar Bicara Naib Canselor

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahiwabokatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu, saya menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Konvokesyen ke-10 Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang penuh dengan adat istiadat gemilang. Setinggi tahniah kepada semua graduan UTeM yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing seterusnya menerima pengiktirafan akademik atas pencapaian yang cemerlang. Saya mewakili Pengurusan Tertinggi Universiti mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat dan ibu bapa graduan bagi memeriahkan lagi majlis bersejarah ini.

Majlis Konvokesyen UTeM ke-10 Tahun 2014 bakal berlangsung selama 2 hari dan menyaksikan keseluruhan 4 sesi penganugerahan ijazah kepada anggaran 2,256 orang graduan daripada pelbagai bidang dan peringkat pengajian yang merangkumi 6 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 136 orang graduan Ijazah Sarjana, 1,623 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 491 orang graduan Diploma. Ini menjadikan jumlah keseluruhan graduan yang telah dilahirkan oleh UTeM sejak 2005 mencecah 14,986 orang.

Majlis Konvokesyen UTeM ke-10 ini turut diserikan lagi dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Ir Dr Haji Ahmad Tajuddin bin Ali, Pengerusi CIDB Malaysia di atas sumbangan beliau dalam bidang kejuruteraan terutamanya dalam bidang tenaga dan mekanikal yang amat berguna dalam membantu Universiti memenuhi bidang tujahan (niche area) Universiti.

UTeM ditubuhkan bagi menerajui bidang pendidikan teknikal selaras dengan hasrat dan aspirasi negara dalam usaha mencapai taraf negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Selaras dengan perkembangan terkini bidang teknikal dan teknologi negara, UTeM terus komited melahirkan modal insan berkualiti dalam bidang teknikal bagi menyokong usaha mengurusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) sepertimana yang dihasratkan oleh negara.



Penawaran program pembelajaran secara *broadbased* turut dilaksanakan mulai sesi pengajian 2014/2015 bagi memantapkan lagi penguasaan ilmu kejuruteraan di samping menerapkan ciri-ciri kreatif dan inovatif di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di universiti ini. Pembaharuan ini adalah salah satu usaha UTeM dalam menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan dan memenuhi kehendak jaminan kualiti sekaligus mencerminkan komitmen universiti dalam memberi tambah nilai dalam keilmuan dan kapasiti negara bagi melahirkan generasi penjana serta penggerak pembangunan dan transformasi negara.

Sebelum menutup ruangan kata ini, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada seluruh graduan UTeM dan setinggi-tinggi penghargaan kepada para ibu bapa di atas doa dan restu berterusan terhadap kejayaan para graduan hari ini. Teruskanlah usaha memuliakan ilmu dan gunakanlah ia sebaik-baiknya untuk manfaat diri sendiri, keluarga, masyarakat dan Negara. InsyaAllah dengan pengiktirafan akademik yang diterima pada konvokesyen ini dan berbekalkan jati diri yang teguh, ia bakal melonjakkan potensi diri saudara-saudari menjadi insan yang terbilang.

Tiada alasan penat dan jemu
Sandaran keluarga tinggi harapan
Graduan UTeM insaniah berilmu
Berjasa berbakti sepanjang zaman

Prof. Dr. Shahrin bin Sahib
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



Penerima Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan

Y.BHG. TAN SRI DATUK IR DR HAJI AHMAD TAJUDDIN BIN ALI

Tan Sri Datuk Ir Dr Haji Ahmad Tajuddin Ali dilahirkan pada 7 Ogos 1948 di Tambun Tulang, Perlis. Anak sulung daripada sebuah keluarga petani ini mempunyai sejarah pendidikan dan kerjaya yang amat cemerlang dan wajar dijadikan inspirasi kepada generasi kini.

Berpegang teguh kepada prinsip "apabila melakukan sesuatu haruslah berusaha untuk melakukannya dengan sebaik mungkin", beliau merupakan pemegang ijazah kedoktoran (PhD) dalam bidang kejuruteraan nuklear.

Tan Sri Ahmad Tajuddin mempunyai pengalaman kerjaya yang sangat luas. Bermula sebagai seorang penolong jurutera di Lembaga Letrik Negara (LLN) pada tahun 1973 beliau kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Penyelidik Kanan di Pusat Tenaga Atom Tun Ismail (PUSPATI) pada tahun 1977-1982 selepas sahaja memperoleh PhD.

Beliau pernah bertugas sebagai Penyelaras Projek Rantau Asia Pasifik International Atomic Energy Agency (IAEA) di Jakarta pada 1985-1988.

Bakat kepimpinannya berjaya menaikkan beberapa organisasi antaranya SIRIM ke persada dunia. Pada tahun 1996, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Tugas utama beliau ketika itu adalah untuk mengangkat kembali kewibawaan dan meraih keyakinan masyarakat terhadap peranan dan fungsi TNB, di samping membina keyakinan dalaman di dalam menguruskan sistem bekalan elektrik negara yang makin mencabar.

Dalam jangka masa empat tahun menerajui TNB, beliau telah berjaya meningkatkan kemampuan teknikal jurutera dan menurunkan peratus insiden terputus bekalan dari pada lebih dari 3,000 kes setiap hari kepada kurang daripada 100 kes sehari.

Kejayaan itu sekaligus mewujudkan tanggapan yang baik di kalangan masyarakat dan pengguna terhadap fungsi TNB dan kredibiliti jurutera TNB khususnya. Bagi beliau kejayaan membangun semula TNB adalah hasil inisiatif turun padang untuk bersama-sama pekerja lain membangunkan TNB. Beliau mengakhiri tugas di TNB pada 31 Ogos 2000.

Terkini, Tan Sri Ahmad Tajuddin merupakan Pengerusi UEM Group Berhad bermula pada 1 April 2007 sebagai wakil kepada Khazanah Nasional Berhad. Pada masa yang sama, beliau juga Pengerusi UEM Sunrise Berhad dan PLUS Expressways International Berhad.

Selain itu, beliau juga menjadi pengerusi kepada beberapa organisasi lain seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Akademi Sains Malaysia dan Pengerusi Bersama Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT).

Kualiti dan kecemerlangan sepanjang kerjaya serta sumbangan profesionalnya membolehkan beliau meraih beberapa anugerah seperti 1995 Japan External Trade Organisation (JETRO) Award, 1996 Institution of Engineers Malaysia Award, 1997 Honorary Colonel, 70th Regiment, Territorial Army dan Anugerah Tokoh Terkemuka 2009 oleh Malaysia Construction Industry Excellent Award (MCIEA).



Statistik

Majlis Konvokesyen ke-10 UTeM 2014

(Data sehingga 10 September 2014)

Keseluruhan

PROGRAM	BILANGAN
PhD	6
Sarjana	136
Sarjana Muda	1623
Diploma	491
Jumlah	2256



PROGRAM	FAKULTI						
	FKE	FKEKK	FKM	FKP	FTMK	FPTT	FTK
PhD	2	-	-	-	2	2	-
Sarjana	13	23	4	60	18	18	-
Sarjana Muda	303	269	308	226	312	205	-
Diploma	106	88	81	112	104	-	-
Jumlah	424	380	393	398	426	225	



TAHUN	BILANGAN
2005	471
2006	997
2007	1348
2008	1442
2009	1591
2010	1408
2011	1502
2012	1862
2013	2109
2014	2256
Jumlah	14986

Nota:

- FKE : Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- FKEKK : Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer
- FKM : Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- FKP : Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
- FTMK : Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi
- FPTT : Fakulti Teknologi Pengurusan & Teknousahawanan
- FTK : Fakulti Teknologi Kejuruteraan

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Anugerah Diraja	Muhammad Nur A'dnan Bin Abu Bakar	FKE	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
Anugerah Diraja	Tayalan A/L Manoharan	FKM	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal-Bendalir) Dengan Kepujian

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Hadiah Canselor	Lau Wei Chong	FKEKK	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian
Hadiah Canselor	Muhamad Suffian Bin Sikandar Gani	FTMK	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian

Senarai Nama

Penerima Anugerah Hadiah Akademik

Konvokesyen UTeM Ke-10

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Hadiah Naib Canselor	Muhd Khairi Bin Abdul Arif	FKE	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Khairul Hafiz Bin Shafad	FKE	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi & Automasi) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Lee Jun Wei	FKE	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Hazwal Bin Ngadeni	FKE	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu) Dengan Kepujian

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Hadiah Naib Canselor	Muhammad Afiq Bin Md Salimin	FKEKK	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Asmaa' Syakirah Binti Sazali	FKEKK	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Soo Kin Yong	FKEKK	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Chew Nyuet Fen	FKEKK	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) Dengan Kepujian

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Hadiah Naib Canselor	Yau Zheng Tian	FKM	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Lim Kui Lin	FKM	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Struktur & Bahan) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Mohd Syukran Bin Ismail	FKM	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal-Bendalir) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Nashua Binti Suzaly	FKM	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk & Inovasi) Dengan Kepujian

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Hadiah Naib Canselor	Muhammad Rizman Bin Mohd	FKP	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Mohamad Nazrin Bin Mohd Yusoff	FKP	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Mohamad Naubfal Bin Ahamad	FKP	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Wan Mohd Azahar Bin Wan Mohd Yusoff	FKP	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Nik Mohamad Azren Bin Mohd Zubir	FKP	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan) Dengan Kepujian

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Hadiah Naib Canselor	Nor Syazni Binti Mohd Fouzi	FPTT	Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Fariha Binti Wellun	FPTT	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Inovasi Teknologi)
Hadiah Naib Canselor	Patricia Jonathan	FPTT	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Hadiah Naib Canselor	Liew Jyi Haow	FTMK	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Naim Bin Hadi Darsono	FTMK	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Ong Phaik Ling	FTMK	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Eng Wei Sy	FTMK	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian
Hadiah Naib Canselor	Chuah Peng Peng	FTMK	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) Dengan Kepujian

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Hadiah Naib Canselor	Chua Shu Yuan	FKE	Diploma Kejuruteraan Elektrik
Hadiah Naib Canselor	Mohd Al Amin Bin Ibrahim	FKEKK	Diploma Kejuruteraan Elektronik
Hadiah Naib Canselor	Azman Kong	FKM	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
Hadiah Naib Canselor	Mohammad Shah All-Hafiz Bin Mohd Shahrin	FKP	Diploma Kejuruteraan Pembuatan
Hadiah Naib Canselor	Muhammad Adib Fikri Bin Ghazali	FTMK	Diploma Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

ANUGERAH	NAMA	FAKULTI	KURSUS
Hadiah Industri	Beh Chin Wei	FKM	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Dengan Kepujian
Hadiah Industri	Abang Muhammed Redzuan	FPTT	Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan Dengan Kepujian
Hadiah Industri	Sa'adah Binti Daud	FKE	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
Hadiah Industri	Seha Binti Mohd Saffar	FKP	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi) Dengan Kepujian
Hadiah Industri	Megat Muhammad Nazreen Bin Megat Arif Fadillah	FKEKK	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi) Dengan Kepujian
Hadiah Industri	Mohd Zulhilmi Bin Ahmad	FTMK	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian

MAJLIS PENUTUP PROGRAM INFOSYS Kumpulan 11 Dan 12

4 September : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDec) menganjurkan Program Infosys bagi kumpulan 11 dan 12 yang berlangsung pada selama sebulan mulai Ogos lalu di Bandaraya Melaka.

Penganjuran program itu menyaksikan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi UTeM telah diberi kepercayaan untuk menjadi urus setia dan penganjur kali ini.

Seramai 197 orang peserta terpilih dari seluruh negara mengikuti program tersebut dengan tujuan utama untuk menyediakan pelajar yang akan menjadi modal insan berpengetahuan dalam bidang IT serta relevan dengan kehendak industri.

Melalui program tersebut, peserta didedahkan dengan pengetahuan mengenai teknologi maklumat melalui modul yang disediakan oleh Infosys Technologies Limited, iaitu sebuah syarikat IT terbesar di India.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Md. Yunus Husin, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi



Ucapan Tahniah #utemconvo10

The Official Page of Universiti Teknikal Malaysia Melaka

The Official Page of Home

283



MAJLIS كناجيه و نجره سبتم نجره سبتم KONVOKESYEN KE-10 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



DEWAN BESAR, UTeM
27-28
SEPTEMBER
2014

www.utem.edu.my

Carian...

MENU UTAMA

- Laman Utama
- Proses Wajib Sebelum Majlis Konvokesyen
- Proses Wajib Semasa Majlis Konvokesyen
- Proses Wajib Selepas Majlis Konvokesyen
- Tatacara Berpakaian
- Senarai Graduan / List of Graduands
- Buku Panduan Graduan 2014 / 2014 Graduands Convocation Handbook
- Laman Web UTeM
- Galeri Konvokesyen
- Lagu UTeM
- Waktu Solat

JUMLAH PELAWAT

038054

Hari Ini	115
Semalam	677
Bulan Ini	9857
Bulan Lepas	142

Visitors Counter



Dak Jojo Ucapan tahniah kepada adik sy Muhd Jafrizal kerana telah tamat pengajiannya peringkat diploma di #utem. Semoga teruskan berjuang di peringkat ijazah pula lepas ni. Kepada bff sy Iszlyn Iszlyn juga, tahniah atas graduasi yang akan datang ini. Semoga kalian terus sukses!



Rapidah Mazlan Tahniah buat Norazlinda Ibrahim aka Iszlyn Iszlyn...bermula dengan pelbagai ujian dan rintangan...akhirnya... ijazah sarjana muda berjaya dimiliki... moga menjadi inspirasi.... selamat bergraduasi...



Rosli Mahmood Tahniah...dan jumpalah kami di perbarisan graduan. Ikut etika berpakaian dan lancarkan langkah serta semua urusan. Moga anda semua menjadi insan cemerlang, gemilang dan terbilang!!!!



Zeny Ramli Bagaikan silih pulang ke gagang, begitulah kami semasa majlis konvokesyen nanti. Anak didik UTeM setelah bertahun menelaah ilmu dididik tenaga pengajar berkualiti. Laku, itulah kami di pasaran pekerjaan.



Zeny Zainudin Di dalam menuju kejayaan terdapat satu jalan dipanggil kegagalan. Satu bulatan dipanggil ketidakpastian dimanakah arah tujuan ? tetapi dengan hubungan persahabatan Semangat yang di tanam kan kita dapat sama sama harungi cabaran dan rintangan menuju pengakhiran jalan dengan sebuah kejayaan yang membanggakan. Alhamdulillah, tahniah kepada kawan kawan. Jumpa pada hari kegemilangan. Megat Muhammad Nazreen Mohd Khairulezmi Syafiq Anuar Mohd Hakim Aku Afiq Ady Marshellow Hanief Samuri Aravindran Chandra Vijayakumar Magenderin Vijandran Devaisamy Munirah Rosli Suhana Ghani Akmar Mahmud Naqi Sa'ahiry Muhammad Faizzuddin



Macmilan Minz Ucapan saya tujukan kepada semua Ahli kelas BITS 2011-2014 (Bachelor of Computer Science Software Development With Honours) dari FTMK kerana dapat menghabiskan atau menamatkan keseluruhan pengajian yang telah dislibuskn melalui Fakulti. Bangga dengan pencapaian dan kemahiran yang telah diberikan dari pensyarah-pensyarah fakulti. Semoga semua mencapai kejayaan yang diinginkan. Barakah kan kehidupan anda dengan niat semua Kerana Allah S.W.T... inshaAllah berkat dunia akhirat. 😊 ..



Fatin Hafizah Mohammad Sukri Walau perjuangan itu sukar, biarlah ia menjadi pedoman bagi meniti hari mendatang 😊 Salam maju jaya buat seluruh siswa/i UTeM yang bakal bergraduasi hujung bulan ini! Khas buat senior2 FPTT anda semua adalah yg terbaik! Kekalkan momentum anda semua!! I ❤️ UTeM =))







Khairul Bariah Saya ingin mengucapkan TAHNIAH dan SELAMAT BERKONVOKESYEN kepada anakda saya NUR AMALINA BINTI HAJI AHMAD NAWIR. Ucapan ribuan terima kasih kepada semua PENSYARAH yang telah mencurahkan bakti dalam mendidik beliau, segala bakti yang dicurahkan itu hannya ALLAH jua yang dapat membalasnya. Wassalam,

MENU UTAMA

- ◊ Laman Utama
- ◊ Proses Wajib Sebelum Majlis
Konvokesyen
- ◊ Proses Wajib Semasa Majlis
Konvokesyen
- ◊ Proses Wajib Selepas Majlis
Konvokesyen
- ◊ Tatacara Berpakaian
- ◊ Senarai Graduan / List of
Graduands
- ◊ Buku Panduan Graduan 2014 /
2014 Graduands Convocation
Handbook
- ◊ Laman Web UTeM
- ◊ Galeri Konvokesyen
- ◊ Lagu UTeM
- ◊ Waktu Solat

JUMLAH PELAWAT

038054

	Hari Ini	115
	Semalam	677
	Bulan Ini	9857
	Bulan Lepas	142

Visitors Counter



Mohamad Are-fiq Tahniah kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Inovasi Teknologi) yang telah berjaya menamatkan pengajian selama empat tahun..semoga ilmu yg telah kita perolehi mampu menjadikan kita seorang insan yg akan berbakti kpd agama,bangsa dan negara. Jutaan penghargaan terima kasih kpd pensyarah drpd FPTT,FTMK,FKM,FKP,FKEKK DAN FKE yg telah mengajar kami sepanjang empat tahun.Perkongsian ilmu yg amat bermakna menjadikan kami berbeza dgn graduan pengurusan drpd universiti lain.. Hazirah Mohd Ali Piah Noormuniroh Razali Amalina Rahman Wajihah Zuhairi II Farah Mokhtar Azrinie Mohamed Mohamad Are-fiq Nurizziaty Abd Raup Maizurah Mahmood Fadzli Fami Azrin Hyo Nashnaim Na'a'im Nazskorpio Mie Amirul Syafeeq Hafeedz Hurairah Shahbani



Hafiz Ikhwan Ucapan tahniah dari saya buat Rakan2 dari BMCA(bachelor of mechanical in automotive with honours) 2010/2014 kerana berjaya menamatkan pengajian... Semoga ilmu yang dapat utem berguna d masa hadapan kalian... Dedicated to: Khair Azim Fadzlee Azizi Fahmi Razak Jamal Juhar Azim Basharuddin Mohamad Syahiran Mohd Noor Wan Corolla Radhi Azmat Izzat Satar Mazuan Mansor Muhammad Akhimullah Hj Subari Muhaimin Idris Syukri Musthafa Beh Chin Wei Fatin Nasyirah Muhammad Murtadha Md Zyadi Muhammad Arifin (n kawan2 yg lain sory kalo xtag.... Sbb ramai sngt) #bmcaPowerSampaiKiamat



Mazuan Mansor saya ingin mengucapkan beribu ribu tahniah kepada rakan rakan seperjuangan sekalian yang berjaya menamatkan pengajian di utem. selama 4 tahun kita bersama mengharungi rintangan2 pahit manis asam garam sebgai seorang pelajar utem.. akhirnya kita berjaya menggegang segulung ijazah yg mampu membuat ibu bapa kita tersenyum lebar! terima kshih UTeM, kerana menerima kami sebagai pelajar dan memberi kami peluang untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke menara gading... jasmu akan kami kenang sehingga akhir hayat kami insyaAllah.. always a pioneer always ahead!

Hifdzul Malik Zainal Tahniah Muhammad Firdaus. Tahniah kepada semua para graduan UTeM!! Syukur ke hadrat ilahi dengan izin-Nya dapat juga kita tamatkan pengajian. Alhamdulillah. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada tenaga2 pengajar UTeM yang tidak pernah berputus asa terhadap kami. Juga jasa ibu bapa yang sanggup berkorban untuk kejayaan kami.. rakan2 seperjuangan yang sama2 mengharungi susah senang kehidupan universiti.



Azwan Muhamad Saya ingin menggunakan ruang dan peluang ini untuk mewakili Persada Utem, mengucapkan TAHNIAH dan SELAMAT BERKONVOKESYEN kepada Generasi FELDA yang telah berjaya menamatkan pengajian di UTeM. Tahniah kpd Farul Hashim, Buudark Letrik,kak Iszlyn Iszlyn dan rakan2..semoga terus berjaya dan jgn lupa utk bantu adk2 di FELDA...maaf xdpt nk tag semua.



Nurul Azni Ku panjatkan syukur pada illahi. Ucapan tahniah buat sahabat seperjuangan, jutaan terima kasih kepada pensyarah2 yang tidak pernah berpaling arah mendidik kami. Sekalung penghargaan buat ibu ayah yang mendorong kami untuk terus berjuang dan membanggakan mereka dengan kejayaan. Juga tidak lupa buat mereka yang menjaga kebajikan kami semasa kami bergelar pelajar. Selamat berkonvokesyen buat semua terutamanya pelajar BTMI FPTT 2010/2014, BTMM & BTEC.



Amran Ibrahim Alhamdulillah...syukur padanya..dan trima kasih pada Mak (Azizah Bin Hassan), Ayah(Ibrahim Bin Hamat), Supervisor (En. Baharudin Bin Abu Bakar), Semua lecture UTeM, Kawan-Kawan (Wajihah Zuhairi II, Faizal Khalik, Mohd Tarmizi Anual, Azuan Kamaruddin, dan smua la...sorry xtag...tanpa anda and tanpa UTeM xda la sy dekat sini... :):)



Najwa Rahman Tahniah kepada semua para graduan UTeM!! Syukur ke hadrat ilahi dengan izin-Nya dapat juga kita tamatkan pengajian. Alhamdulillah. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada tenaga2 pengajar UTeM yang tidak pernah berputus asa terhadap kami. Juga jasa ibu bapa yang sanggup berkorban untuk kejayaan kami.. rakan2 seperjuangan yang sama2 mengharungi susah senang kehidupan universiti.



Aziz Malek Syabas dan tahniah kepada Eda Aliah Athirah bt. Abdul Aziz atas kejayaan menamatkan pengajian dan akan dianugerahkan Bachelor of Computer Science Software Development with Honours dlm Majlis Konvokesyen yg ke-10 nanti. Sesungguhnya enak dan ayah sungguh berbangga dengan kejayaan anak ayah. Selamat begraduat dan selamat maju jaya.



UTeM Terima Kemasukan 2,077 Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sesi 2014 / 2015

1 September : UTeM mencatatkan kemasukan seramai 2,077 orang mahasiswa pada hari pendaftaran yang diadakan di Kampus Induk, Durian Tunggal hari ini.

Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Shahrin Sahib yang ditemui pada hari pendaftaran pelajar baru berkata, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) merekodkan kemasukan tertinggi dengan 515 orang pelajar diikuti Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) seramai 339 orang.

Manakala Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menerima kemasukan 247 pelajar, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) 228 pelajar; Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) menerima 270 pelajar, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) 261 pelajar dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) merekodkan 217 pelajar.

"Kemasukan pelajar baru pada tahun ini amat memberangsangkan dan perkembangan tersebut didorong oleh kepercayaan ibu bapa dan masyarakat umum terhadap kemampuan universiti dalam menghasilkan graduan berketrampilan dan berkemahiran tinggi yang sentiasa diperlukan oleh pihak industri," katanya.

Jelas beliau, faktor pengajian secara praktikal dalam bidang kejuruteraan, ICT dan teknologi kejuruteraan merupakan satu daya tarikan kepada pelajar-pelajar tersebut selain kecemerlangan penyelidikan UTeM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dr. Shahrin turut mengadakan lawatan ke penempatan pelajar di asrama yang disediakan untuk meninjau serta mengalu-alukan kedatangan ibu bapa serta ahli keluarga dari seluruh negara ke UTeM.





Minggu Haluan Siswa bentuk Mahasiswa Inovatif

4 September : Bersempena dengan pendaftaran pelajar baharu bagi sesi akademik 2014/2015, UTeM menganjurkan Minggu Haluan Siswa (MHS) bagi melahirkan pelajar yang berkeترampilan serta mempunyai jati diri yang tinggi.

Program itu merupakan program tahunan yang bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai persekitaran universiti dan suasana pembelajaran bagi memudahkan para pelajar menyesuaikan diri sepanjang berada di sini.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Shahrin Sahib berkata, pelbagai pengisian program telah direncanakan sepanjang MHS seperti sesi ceramah, latihan dalam kumpulan, riadah dan aktiviti keagamaan bagi mendidik pelajar menjadi lebih berani dan berwawasan dalam menempuh alam pembelajaran di peringkat yang tinggi dan penuh cabaran.

Majlis Perasmian MHS telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, YB Datuk Mary Yap Kain Ching di Dewan Besar UTeM, Kampus Induk Durian Tunggal.

Pada pengambilan sesi 2014/2015, UTeM mencatatkan kemasukan seramai 2,077 orang pelajar peringkat ijazah sarjana muda dan 278 pelajar peringkat diploma yang mengikuti pengajian di tujuh buah fakulti.





UTeM Tingkat Kemudahan Asrama Pelajar

5 September : Kampus Induk di Durian Tunggal bakal meningkatkan kapasiti tambahan 5,000 orang pelajar dalam penempatan asramanya tidak lama lagi.

Perkara tersebut diumumkan dalam satu majlis penyerahan dokumen konsesi pembinaan asrama secara inisiatif pembiayaan swasta yang diadakan di Kampus Induk UTeM dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin, Naib Canselor UTeM Prof. Dr. Shahrin Sahib dan Pengarah syarikat Nadi Cergas Sdn Bhd, Dato' Seri Subahan Kamal.

Menurut Dr. Shahrin, pembinaan asrama secara konsesi itu akan melibatkan pembangunan kolej kediaman pelajar 10 tingkat sebanyak lima blok termasuk pejabat pentadbiran asrama, lima unit kediaman Pengetua Asrama, 10 unit kediaman penyelia asrama, kafeteria yang boleh memuatkan 1,000 orang serta kemudahan gelanggang sukan.

Jelasnya, pada ketika ini hanya terdapat 1,000 orang pelajar yang mendiami asrama di dalam kampus dan selebihnya ditempatkan di beberapa asrama luar kampus di sekitar negeri ini.

“Pihak universiti merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada agensi pusat khususnya Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, pengurusan tertinggi universiti dan semua yang terlibat dalam menjayakan impian dan hasrat UTeM dengan terlaksananya perjanjian ini,” kata Dr. Shahrin dalam ucapannya.

Majlis penyerahan dokumen perjanjian konsesi itu disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia, Hj. Rosli Isa disaksikan pengurusan kanan UTeM serta wakil pemimpin mahasiswa.



Mahasiswa UTeM Cemerlang di Innovate Malaysia 2014



28 Ogos : Tiga orang pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) mempamerkan prestasi cemerlang apabila berjaya meraih tempat kedua dalam pertandingan akhir Innovate Malaysia 2014 yang berlangsung di Pulau Pinang.

Innovate Malaysia merupakan pertandingan reka bentuk yang dianjurkan oleh TalentCorp Malaysia yang menghimpunkan pelajar tahun akhir dalam jurusan kejuruteraan dan sains komputer untuk menghasilkan inovasi dan aplikasi yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian.

Tiga pelajar tersebut Ena Amihajan, Megat Muhammad Nazreen Megat Arif Fadilah dan Mohd Shaikhul Khalid Abdullah membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM 3,000 dan peralatan makmal elektronik selaku naib juara.

Menurut penyelarasan projek pasukan UTeM, Prof. Madya Dr. Zahriladha Zakaria berkata, projek inovasi yang dihasilkan diberi nama "FREE RF Energy Harvesting" berkonsepkan teknologi hijau di mana tenaga gelombang frekuensi radio (RF) yang terdapat di sekeliling seperti WiFi, Stesen Pemancar Radio (GSM, 3G dan LTE) digunakan untuk ditukarkan kepada tenaga elektrik.

"Melalui inovasi ini, tenaga elektrik akan dapat digunakan sebagai perpindahan kuasa tanpa-wayar untuk aplikasi seperti mengecap peralatan elektronik, sistem pemantauan bencana alam/ cuaca serta sistem pemantauan kesihatan tanpa-wayar," jelas Dr. Zahriladha.

Katanya lagi, projek yang dihasilkan adalah aplikasi pembelajaran yang diterapkan di fakulti dan kejayaan tersebut membuktikan sistem pendidikan teknikal di UTeM setanding dengan keperluan semasa.

Wacana Akademia FTK Bersama Naib Canselor

21 Ogos : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah menganjurkan forum perdana bertajuk "FTK Merintis Teknologi Kejuruteraan di Malaysia". Forum itu menampilkan Naib Canselor UTeM, Profesor Dr Shahrin Sahib sebagai panel khas jemputan dan dihadiri oleh staf akademik dan pentadbiran fakulti tersebut.

Forum tersebut juga membariskan panelis lain iaitu Hambali Boejang, Jurutera Pengajar Kanan di Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Adlan Ali, Pensyarah Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kejuruteraan teknikal di samping mendapat pendidikan teknikal di dalam dan di luar negara.

Moderator untuk forum itu ialah Dr. Muhammad Zahir Hassan, Pensyarah Kanan di Jabatan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal.



Objektif forum adalah untuk memberikan pendedahan mengenai perkembangan teknologi kejuruteraan dan juga keperluan bidang ini di dalam industri masa kini terutamanya halatuju UTeM selaku universiti teknikal pertama yang menawarkan program dalam bidang tersebut.

Dr. Shahrin memberi penekanan terhadap peranan serta kepentingan FTK dalam melahirkan graduan-graduan yang bakal menjadi pakar dalam bidang teknologi kejuruteraan di Malaysia. Beliau juga menyeru agar FTK melipatgandakan usaha dalam memastikan penawaran program dalam bidang teknologi kejuruteraan dapat melahirkan graduan yang berkepakaran dalam bidang teknikal.

tahniah

Pemenang #merdeka_utm



Teh Fatimah

Zulhafiz Buyong

Nursheda Nuraheta

Mesut Fley Ozil

Hafiz Dzulki



utm_moments



KEJOHANAN PING PONG IPT 2014

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA UTeM

24 - 29 September 2014 | Dewan Sukan UTeM

MASISWA UTeM

pingpongippt.utm.edu.my

Urusetia : Pusat Sukan, HEPA UTeM | 06 555 2388 (Hotline 1) | 06 555 2193 (Hotline 2) | 06 555 2189 (Fax)




ISORIS'14
International Symposium on Research in Innovation and Sustainability 2014

"Innovative Solutions Towards Sustainability"

October, 15-16, 2014,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM),
Malaysia.



Eucet2014
EMPOWERING INNOVATION CULTURE
IN PIONEERING FUTURE TECHNOLOGY

10 - 11 November 2014 | UTeM

Call for Paper Submission
11 May 2014

Universiti Malaysia Pahang UTeM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA UTHM



MIR Labs
Innovation First

4th World Congress on Information and Communication Technologies

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



SKIM MyBRAIN UTeM 2014

Dibuka kepada semua pelajar Sarjana Muda UTeM yang akan bergraduan pada tahun 2014



Organized by: UTeM

THE 5TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON UNDERWATER SYSTEM TECHNOLOGY : THEORY AND APPLICATIONS (USYS'14)

Supported by: MOSTI UTeM

DECEMBER 3-4 2014 @AVILLION LEGACY MELAKA HOTEL

USYS'14 "Underwater Technologies: Bringing the past to the surface"



MECHANICAL ENGINEERING RESEARCH DAY 2015

Technology Campus, UTeM - 31 March 2015

Organized by:
Faculty of Mechanical Engineering
Centre for Advanced Research on Energy

KONVO FEST 10

2014

Aktiviti Sukan

Aktiviti Kebudayaan

Pertandingan "Live Band"
27.9.2014

Pertandingan Karaoke
28.9.2014

28.9.2014
UTeM Eco Run
UTeM Aerobics Challenge



Pameran hasil penyelidikan & produk Fakulti
26.9.2014 - 28.9.2014

Pameran dari agensi kerajaan
26.9.2014 - 28.9.2014

Karnival Penghayatan Islam (KPI)
26.9.2014

Persembahan Kebudayaan Citrawarna
27.9.2014

Skuad Perodua Era
27.9.2014 @ 1.40 petang

Program Kendalian Alumni
28.9.2014

Aktiviti Permainan / Pertandingan

- Pertandingan Roket Air
 - Pertandingan Cak Teh (Bulu Ayam)
 - Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak
 - Pertandingan Gubahan Bunga dari bahan kitar semula
 - Permainan Kerusi Kanak-Kanak Bergerak
 - Pertandingan/Pameran Busana Muslimah
 - Pertandingan Mengukir/Hiasan Buah
 - Pertandingan Hiasan Kek
 - Pertandingan Mewarna
 - Tarik King
 - Pertandingan Catur
- **Tertakluk kepada perubahan**



Tempat : Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal



Untuk Maklumat Lanjut
Sila Hubungi :
Mohd Yaszli : 06-331 6207
Ahmad Fadzil : 06-331 6229

KE KAMPUS INDUK UTeM, DURIAN TUNGGAL, MELAKA
Hanya 3 minit dari Tol Ayer Keroh

KAMPUS INDUK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA MELAKA
(UTeM)